WIKIPEDIA

# Falsafah

**Falsafah** (Tulisan Jawi: فلسفه) ialah satu disiplin ilmiah yang mengusahakan kebenaran yang umum dan asas. Perkataan falsafah dalam bahasa Melayu berasal daripada bahasa Arab فلسفة yang juga berasal daripada perkataan Yunani *Φιλοσοφία* philosophia, yang bermaksud "cinta kepada hikmah". Secara umumnya, falsafah mempunyai ciri-ciri seperti berikut:

- Merupakan satu usaha pemikiran yang tuntas
- Tujuannya adalah untuk mendapatkan kebenaran

Sehingga kini, ahli-ahli falsafah masih belum mencapai kata sepakat mengenai takrifan falsafah. Malah ada yang mengatakan bahawa falsafah merupakan sesuatu yang tidak dapat ditakrifkan. Ini adalah kerana **kita dapat berfalsafah tentang pengertian falsafah**[1]. Maka dengan itulah kita akan menemui pendapat yang berbeza-beza mengenai takrif falsafah di antara ahli-ahli falsafah itu sendiri. Bagi rujukan umum, di sini kita hanya mengambil satu contoh takrif falsafah daripada Drs. Sidi Gazalba:

> Berfalsafah ialah mencari kebenaran dari kebenaran untuk kebenaran, tentang segala sesuatu yang dimasalahkan, dengan berfikir secara radikal, sistematik dan sejagat. Apabila seseorang berfikir demikian dalam menghadapi masalah dalam hubungannya dengan kebenaran, adalah orang itu telah memasuki falsafah. Penuturan dan uraian yang tersusun oleh pemikirannya itu adalah falsafah[2]. Daripada pendapat tersebut, rumusan dapat dibuat bahawa falsafah seharusnya ditanda dengan caranya iaitu **berfalsafah**, dan juga masalahnya iaitu **persoalan falsafah**. Maka hasilnya adalah karya falsafah.

## Isi kandungan


**Berfalsafah**

**Persoalan falsafah**

**Kategori falsafah**

**Tradisi falsafah**

- Tradisi falsafah Timur
- Tradisi falsafah Barat

**Rujukan**

**Pautan luar**


## Berfalsafah

Berfalsafah secara mudah dapat dimaksudkan sebagai memikirkan sesuatu dengan sangat mendalam. Tetapi, berfalsafah di sini bermaksud berfikir secara falsafah. Berfalsafah merupakan satu tanda yang penting bagi bidang falsafah. Ia boleh diibaratkan sebagai inti dalam falsafah. Berfikir secara falsafah ini harus mengandungi tiga ciri, iaitu:

- **Radikal**
  Ini bermaksud bahawa berfalsafah merupakan corak pemikiran yang ketuntasan, dengan ini dapat berfikir dengan sedalam-dalamnya sehingga kepada akar bagi sesuatu masalah.
- **Sistematik**
  Berfikir sistematik ialah berfikir logik, yang bergerak selangkah demi selangkah dengan penuh kesedaran dengan turutan yang tersusun.
- **Sejagat**
  Sejagat bermaksud umum. Dalam corak pemikiran ini, pemikiran tidak terbatas pada bahagian-bahagian tertentu, tetapi jawapan keseluruhan bagi sesuatu persoalan.

Ketika berfalsafah, seseorang itu tidak digalakkan untuk merujuk kepada sumber kewibawaan dalam menyelesaikan sesuatu persoalan. Sebaliknya, ia digalakkan untuk menjawabnya dengan hanya menggunakan akal sendiri. Contohnya, dalam menjawab soalan "Apakah YYY?", seseorang itu tidak harus menjawab "YYY itu HHH kerana profesor T pernah mengatakannya", tetapi sebaliknya beliau harus menjawab soalan ini dengan jiwanya yang bebas secara "berfalsafah".

## Persoalan falsafah

Persoalan falsafah ataupun masalah falsafah ialah topik yang dibincangkan dalam bidang falsafah. Ia boleh diibaratkan sebagai isi dalam falsafah. Persoalan falsafah sentiasanya disifatkan sebagai soalan yang sangat rumit, dan ia memerlukan pemikiran yang bersungguh-sungguh.

Sesuatu soalan itu akan menjadi persoalan falsafah apabila soalan itu tidak dapat diselasaikan melalui kaedah pengamatan ataupun kaedah sains. Biasanya, persoalan falsafah akan melibatkan persoalan tentang konsep, idealogi, dan juga perkara-perkara lain yang abstrak. Contoh persoalan falsafah adalah seperti di bawah:

- "Apakah itu kebenaran?"

- "Apakah itu pemikiran?"
- "Apakah itu ilmu pengetahuan?"
- "Apakah itu cantik?"
- "Apakah itu kehidupan?"

Bidang falsafah memberikan nilai yang tinggi kepada soalan yang baik, ataupun soalan yang mempunyai nilai kefalsafahannya. Ini adalah kerana **soalan yang baik menjanjikan jawapan yang baik**. Contohnya, soalan epistemologi yang ditanyakan pada zaman dulu-dulu seperti "apakah kebenaran?, apakah ilmu pengetahuan?" sebenarnya telah memajukan sains dan teknologi manusia.

## Kategori falsafah

Falsafah dapat dikategorikan 5 bidang berdasarkan persoalannya, iaitu:

- Metafizik
  Bidang falsafah ini memikirkan tentang kewujudan.Contoh soalannya: Jenis benda yang wujud? Apakah sifat "semulajadi - nature" benda tersebut? Adakah sesuatu wujud tanpa pergantungan kepada deria manusia? Apakah sifat ruang dan masa? Apakah sifat akal dan berfikir? Apakah yang dikatakan manusia? Apakah yang dikatakan sedar? Adakah Tuhan wujud?
- Epistemologi
  Bidang falsafah ini memikirkan tentang ilmu pengetahuan. Contoh soalannya adalah seperti: Apa itu pengetahuan? Adakah ada pengetahuan? Bagaimana kita tahu apa yang kita tahu? Bagaimana kita tahu terdapat minda yang lain?
- Etika
  Bidang falsafah ini memikirkan tentang kemoralan manusia. Contoh soalannya:Adakah terdapat perbezaan antara tindakan bermoral dan tindakan yang salah ? Jika ada, apakah perbezaannya? Tindakan yang mana betul dan tindakan yang mana salah? Adakah nilai mutlak, atau perbandingan?Bagaimana seseorang itu harus hidup?
- Logik
  Logik adalah satu bidang falsafah yang mengkaji penaakulan manusia.
- Estetika
  Bidang falsafah memikirkan tentang keindahan. Contoh soalannya: Apakah itu indah?

## Tradisi falsafah


Socrates

Falsafah merupakan sesuatu yang diusahakan oleh setiap bangsa. Ini adalah kerana manusia secara semula jadinya mempunyai fitrah ingin tahu dan cenderung kepada kebenaran. Daripada itu tradisi falsafah terbina oleh kelompok manusia yang mengadakan pendekatan yang berbeza terhadap falsafah. Dalam sesuatu tradisi falsafah, anggotanya akan mempunyai minat yang sama dalam sesuatu persoalan falsafah dan juga mempunyai pengaruh yang sama daripada seseorang tokoh falsafah.

Perkataan "falsafah" dalam konteks akademik Amerika Inggeris mungkin adalah sesuatu yang mengelirukan. Ia biasanya merujuk kepada tradisi falsafah daripada tamadun barat dengan mengetepikan tradisi falsafah daripada tempat lain. Masalah ini menjadi lebih rumit lagi apabila didapati tiada perkataan "falsafah" yang wujud dalam tamadun China, Korea, dan Jepun sehingga abad ke-19. Daripada itu, pernah juga sarjana Barat menyangka bahawa falsafah itu tidak pernah wujud dalam tamadun ini.

Secara kasarnya, falsafah boleh dibahagikan kepada dua tradisi,antara falsafah Barat dan juga falsafah Timur. Bagi tradisi falsafah di Afrika, ia masih dianggap terlalu kabur dan asing bagi kebanyakan orang.

Falsafah Barat merupakan satu tradisi falsafah yang laku untuk kawasan Eropah, benua-benua Amerika Utara dan Selatan, dan juga di Timur Tengah. Falsafah Islam biasanya termasuk juga ke dalam tradisi ini. Falsafah Timur pula merujuk kepada tradisi falsafah daripada Benua India dan juga daripada timur jauh seperti China, Korea, dan Jepun.

### Tradisi falsafah Timur

*Rencana utama: Falsafah Timur*

- Falsafah Budhisme
- Falsafah Hindu
- Falsafah India
- Falsafah Vedanta
- Falsafah Indonesia
- Falsafah Jepun
- Falsafah Konfusisme
- Falsafah Taoisme

### Tradisi falsafah Barat

*Rencana Utama:Falsafah Barat*

- Falsafah Yunani Kuno

- Falsafah Kontinental
- Falsafah Anglo-Amerika
- Falsafah Zaman Penengahan
- Falsafah Marxisme
- Falsafah Pascamoden

## Rujukan


- Drs. Sidi Gazalba.1974. *Sistematika Filsafat: Pengantar Kepada Dunia Filsfat, Teori Pengetahuan, Metafika, Teori Nilai*. Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu Berhad.
- Alif Razgriz.2017

.Falsafah:Hikmah Tersirat, Pemikiran Kritikal.Selangor


## Pautan luar

- Episteme (http://epistemelinks.com/)
- Link, Pusa (http://epistemelinks.com/)
- t Sumber Falsafah Internet (http://epistemelinks.com/)
- Ensiklope (http://www.utm.edu/research/iep/)
- dia Internet (http://www.utm.edu/research/iep/)
- Arkib E-teks F (http://www.philosophyarchive.com/)
- alsafah (http://www.philosophyarchive.com/)


Wikimedia Commons mempunyai media berkaitan ***Falsafah (https://commons.wikimedia.org/wiki/Category:Philosophy?uselang=ms)***



**Kawalan kewibawaan**

BNE: XX525257 (http://catalogo.bne.es/uhtbin/authoritybrowse.cgi?action=display&authority_id=XX525257) · BNF: cb119368422 (https://catalogue.bnf.fr/ark:/12148/cb119368422) (data) (https://data.bnf.fr/ark:/12148/cb119368422) · GND: 4045791-6 (https://d-nb.info/gnd/4045791-6) · LCCN: sh85100849 (https://id.loc.gov/authorities/subjects/sh85100849) · NARA: 10642509 (https://catalog.archives.gov/id/10642509) · NDL: 00572945 (https://id.ndl.go.jp/auth/ndlna/00572945) · NKC: ph114540 (https://aleph.nkp.cz/F/?func=find-c&local_base=aut&ccl_term=ica=ph114540&CON_LNG=ENG)



Diambil daripada "https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Falsafah&oldid=4679674"

**Laman ini kali terakhir disunting pada 02:18, 3 Disember 2019.**

Teks disediakan dengan Lesen Creative Commons Pengiktirafan/Perkongsian Serupa; terma tambahan mungkin digunakan. Lihat Terma Penggunaan untuk butiran lanjut.